



## SIARAN MEDIA

### **SME Corp. Malaysia Salurkan Bantuan Dana Kecemasan PKS Kepada Syarikat Mangsa Banjir di Selangor**

---

**Kuala Lumpur, 29 Mac 2022** – SME Corp. Malaysia telah menganjurkan majlis penyerahan Bantuan Dana Kecemasan PKS (SMEEF 2.0) kepada kepada dua puluh (20) syarikat yang terjejas akibat banjir. Surat Tawaran *SMEEF 2.0* telah disempurnakan oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) pada hari ini di SME Corp. Malaysia.

SMEEF 2.0 merupakan satu langkah proaktif Kerajaan agar usahawan PKS yang terjejas akibat bencana alam seperti banjir, ribut, kemarau, hakisan pantai dan tanah runtuh dapat beroperasi semula. Dana ini adalah satu-satunya dana khas yang sedia ada bagi membantu PKS dengan segera sekiranya berlaku bencana alam.

Sehingga kini, sejumlah 995 PKS dengan kelulusan berjumlah RM16.6 juta telah diberikan (878 PKS telah diluluskan bantuan geran, RM7.3 juta dan 117 PKS diluluskan pinjaman, RM9.4 juta).

Bencana banjir yang melanda Malaysia sejak 16 Disember 2021 telah menjejaskan pelbagai aspek operasi perniagaan PKS terutamanya di lahan negeri yang terjejas teruk iaitu di Selangor (Shah Alam, Klang, Hulu Langat), Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Sabah. Majoriti PKS mengalami kerosakan teruk pada mesin & jentera, kenderaan, perabot serta stok perniagaan mereka.

Pada 9 Februari 2022, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan Program Kecemasan PKS (*SMEEF*) di bawah SME Corp. Malaysia, dana sebanyak

RM100 juta telah disediakan untuk membantu PKS yang terjejas pinjaman dengan akses pembiayaan sehingga RM100,000 tanpa faedah di mana tempoh bayar balik adalah sehingga 5 tahun dengan moratorium 12 bulan. Peratusan pembiayaan adalah sehingga 100% bagi ketiga-tiga kos berikut iaitu kos peralatan / mesin baharu, kos baik pulih premis dan keperluan modal kerja.

Kerajaan telah komited menyediakan Bantuan Banjir Keluarga Malaysia yang komprehensif bagi meringankan beban golongan yang terjejas akibat bencana banjir yang melanda negara. Mengambil kira cabaran yang dihadapi PKS yang terkesan ekoran banjir untuk memulihkan perniagaan dan beroperasi semula, Kerajaan telah memutuskan untuk menambahbaik bantuan kepada PKS yang terkesan.

Dalam majlis yang sama, YB Menteri KUSKOP turut melancarkan Pelan Anti Rasuah Organisasi SME Corp. Malaysia (OACP) 2021-2023. Pelan ini merupakan dokumen dasar anti rasuah di peringkat organisasi yang dihasilkan bagi menangani permasalahan dan kelemahan *governans*, integriti dan anti rasuah di dalam sesebuah organisasi. OACP dibangunkan bagi mempersiapkan SME Corp. Malaysia supaya mempunyai tatacara mencukupi selaras dengan peruntukan seksyen 17A SPRM 2009 serta memastikan pembangunan organisasi yang lestari dan bebas rasuah dengan mengambil kira situasi kini dan masa hadapan. Pelan ini telah dibangunkan dengan kerjasama Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) bagi melaksanakan beberapa bengkel dan sesi libat urus bersama pemegang taruh (*stakeholder*).

Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Suriani Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), YBhg. Dato' Sri Syed Hussien Al Habshee, Pengerusi SME Corp. Malaysia, En. Rizal Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corp. Malaysia, En. Azizi Hj Mustafa, Ketua Divisyen Kewangan Pembangunan MIDF serta Ahli Perbadanan SME Corp. Malaysia.

PKS yang berminat untuk memohon Program Kecemasan PKS (*SMEEF*) boleh menghubungi Malaysia Industrial Development Finance Fund (MIDF) di talian 1300-88-6433 atau emel ke [growyourbusiness@midf.com.my](mailto:growyourbusiness@midf.com.my) atau layari [www.growyourbusiness.com.my](http://www.growyourbusiness.com.my).

**-TAMAT-**

## **Tentang SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasi PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

## **PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)**

Tingkat 6, Blok B, Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 1300-30-6000  
Faks : 603-2775 6001  
E-mail : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)  
Laman web: [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

### **Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Strategik**

**(U.P.: Pn. Raja Rozaila bt Raja Azman)**

**Tel : 03-27756203 atau 016-3322121**

**Email : [rozaila@smecorp.gov.my](mailto:rozaila@smecorp.gov.my)**